

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN DASAR TELEKOMUNIKASI NEGARA

TEMPAT: HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 17 MAY 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana menjemput saya untuk melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara (DTN) pada hari ini. Tahniah juga diucapkan kepada Kementerian kerana berjaya menggubal dan menyediakan Dokumen Dasar Telekomunikasi Negara. Adalah diharapkan dasar yang menyeluruh ini akan dapat memberi arah tuju kepada perkembangan sektor telekomunikasi negara ini menjelang abad ke-21.

2. Pada hari ini sistem telekomunikasi yang meliputi beberapa jenis rangkaian perhubungan seperti satelit, gelombang mikro, fiber optik dan teknologi digital bergerak adalah infrastruktur asas yang penting bagi kemajuan sesebuah negara, bagi perniagaan dan perindustrian. Ianya telah menjadi salah satu keperluan penting bagi kehidupan moden.

3. Seperti yang kita ketahui kesan telekomunikasi ke atas ekonomi adalah besar. Ia sendiri merupakan suatu 'growth industry' yang penting dan ia juga mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Teknologi telekomunikasi cepat berubah dan menjadi lebih canggih dan berkesan sepanjang masa serta memberi banyak peluang baru untuk perniagaan dan perusahaan. Saiz pasaran telekomunikasi sedunia dianggarkan sebanyak US\$535 billion pada tahun 1992. Lebih tiga perempat daripada pasaran ini terdiri daripada perkhidmatan melalui sistem-sistem yang baru dicipta.

4. Di negara kita, sektor telekomunikasi juga turut mengalami perkembangan yang pesat dengan pengenalan perkhidmatan-perkhidmatan dan peralatan-peralatan baru dan terkini. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, Malaysia perlu memeralatkan sistem-sistem yang baru dan canggih ini dengan cara yang boleh mendatangkan faedah yang maksima.

5. Untuk mencapai rangkaian telekomunikasi yang canggih pelaburan yang besar diperlukan dan beban ini tidak mampu dipikul oleh sebuah syarikat pengusaha sahaja. Atas sebab ini Kerajaan berpendapat bahawa satu 'competitive environment' perlu diwujudkan dan selaras dengan matlamat ini lebih daripada satu pengusaha telah dibenarkan untuk menyediakan rangkaian dan perkhidmatan telekomunikasi negara.

6. Masyarakat kita juga telah mengalami perubahan-perubahan yang besar akibat perkembangan dalam teknologi telekomunikasi dan pengenalan produk dan perkhidmatan yang baru. Jika tidak ada saingan terbuka antara pembekal khidmat, kemungkinan pelanggan dibeban dengan teknologi yang usang adalah besar. Sebaliknya persaingan antara pembekal alat dan khidmat akan menentukan pelanggan mendapat sistem yang terkini dengan bayaran yang berpatutan.

7. Untuk maksud ini, Kerajaan telah mengeluarkan lesen kepada pengusaha rangkaian kedua di samping pembukaan pasaran telekomunikasi yang lain seperti telefon berbayar, telefon selular dan perkhidmatan tambah nilai. Perkhidmatan antarabangsa bagi trafik ke luar negara juga telah meningkat lebih dua kali ganda selepas pengenalan panggilan antarabangsa terus dail pada tahun 1979. Perkembangan ini juga telah menyebabkan sektor perkhidmatan antarabangsa dibuka bagi membenarkan penglibatan yang lebih cergas daripada pengusaha-pengusaha baru.

8. Melalui persaingan, terutamanya dalam perkhidmatan tambah nilai, pengguna-pengguna Malaysia kini menikmati pelbagai perkhidmatan perhubungan dan maklumat melalui sistem telekomunikasi yang terkini. Dengan menggunakan peralatan khas yang disambungkan kepada rangkaian telekomunikasi beberapa perkhidmatan tambah nilai dapat ditawarkan di samping perkhidmatan asas telekomunikasi seperti telex, telefaks dan penghantaran data, sistem videoteks, 'private wide area networks' (WANS) dan 'private local area network systems' (LANS).

9. Dasar Penswastaan Kerajaan juga telah menyumbang kepada kemajuan pesat sektor telekomunikasi di Malaysia. Industri telekomunikasi negara yang ada sekarang adalah juga hasil daripada proses liberalisasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Melalui penswastaan dan liberalisasi sektor ini, perkembangan rangkaian yang pesat dan peningkatan mutu perkhidmatan telah dapat dilaksanakan dengan berkesan. "The Malaysian public is now provided with an expanding telecommunication capabilities comparable to those of developed countries".

10. Perubahan besar yang berlaku dalam sektor telekomunikasi ini telah menimbulkan isu-isu berhubung dengan pengurusan perubahan. Segala perubahan ini perlu ditangani dan dikawalselia secara sempurna untuk menentukan pembangunan sektor telekomunikasi yang teratur, di samping memberi manfaat kepada pengguna.

11. Saya difahamkan bahawa rangka kawalselia atau 'regulatory framework' telekomunikasi negara 'is still far from perfect'.

12. Satu bidang kawalselia yang perlu dikaji ialah isu berhubung dengan proses pelesenan. 'Presently, licenses are technology-based rather than service-based, and are issued

upon request and submission of proposal by individuals or firms. In the future, we should approach the licensing issue from the point of view of service rather than technology, and that the regulators should be alert to the latest innovation and take the initiative to announce the need to update the nation's telecommunication services, and this therefore calls for bidders to undertake these improvement through proper licensing. It is imperative that the regulator should always be two steps ahead of the private sector, in respect of scanning worldwide for technological improvements in the telecommunications sector.

13. Another regulatory issue that needs urgent attention is the way we manage our radio frequencies spectrum resources. Radio frequencies are used everyday -- when watching television, when making long distance calls, when using microwave ovens, automatic gate opener, pagers and mobile cellular communications, radar for navigating aircraft or for other scientific and medical uses. Radio frequency spectrum has the potential to support a multi-billion ringgit industry in Malaysia. However, it will be useless if it is not properly managed. Therefore we should strive for a more efficient radio spectrum management and regulatory framework. The regulator should refrain from reserving too broad a range of radio frequencies spectrum to one or two service providers only, to the exclusion of other potential users.'

14. Kita juga sering mendengar konsep 'global village' dan dunia tanpa sempadan yang memberi gambaran kemampuan rangkaian telekomunikasi melalui satelit dan hubungan kabel dapat memindah suara, data dan imej dengan pantas dan cekap tanpa menghiraukan sekatan sempadan. Proses 'globalisation' ini mempunyai implikasi kepada Malaysia dalam beberapa segi. Kesan yang pertama ialah peningkatan dalam jumlah dan mudahnya trafik telekomunikasi antarabangsa. Jika kita tidak berhati-hati dan bersedia mengambil bahagian dan melabur dalam industri ini, kemungkinannya ialah ia akan dimonopoli oleh syarikat-syarikat gergasi negara-negara maju. Dengan itu bukan sahaja kita tidak akan mendapat hasil dan pendapatan, tetapi kita akan dibanjiri dengan khidmat dan maklumat termasuk dalam bidang hiburan yang boleh merosakkan budaya kita. Justeru itu kita harus melabur dan melibatkan diri dalam proses globalisasi ini dan menguasai teknologi dan pasaran antarabangsa bersama.

15. Satu lagi kesan positif akibat globalisasi ialah penglibatan negara dalam perdagangan antarabangsa untuk peralatan komunikasi. Pada tahun 1991, nilai eksport sedunia untuk peralatan telekomunikasi mencapai paras US\$64 billion, di mana sebahagian besar pasaran dikuasai oleh negara-negara Eropah dan Jepun. Pasaran peralatan telekomunikasi sedunia adalah lumayan, tetapi malangnya cuma beberapa syarikat telekomunikasi sahaja berpandangan jauh untuk mencari pasaran baru di luar negeri.

16. Justeru itu, pengeluar-pengeluar peralatan

telekomunikasi serta pembekal urusan khidmat telekomunikasi tempatan hendaklah lebih agresif dalam mencari peluang pasaran dan perniagaan yang baru di seberang laut. Demikian juga dengan pembekal maklumat dan hiburan dalam dan luar negara.

17. Untuk terus berjaya dalam sektor telekomunikasi, pengusaha-pengusaha perlu mempunyai wawasan strategik dan perikatan dengan pihak-pihak yang lain dalam pasaran antarabangsa. Malaysia perlu berusaha untuk menjadi 'hub' telekomunikasi serantau dan antarabangsa di Asia Tenggara. Kita perlu meletakkan Malaysia sebagai pusat aktiviti telekomunikasi supaya dapat dikenali sebagai 'teleport' di rantau ini.

18. Untuk menjadi 'hub' telekomunikasi, Malaysia perlu mempunyai sistem telekomunikasi berpadu yang menyediakan pelbagai perkhidmatan melalui teknologi terkini pada harga yang munasabah. Kita harap pelancaran Malaysia East Asia Satellite (MEASAT) pada tahun 1995 adalah langkah pertama untuk membolehkan negara kita menawarkan perkhidmatan telekomunikasi berasaskan satelit.

19. Kepakaran Malaysia dalam bidang pembuatan peralatan 'hardware' dan 'software' memerlukan garis panduan dan dasar yang tertentu dan Pelan Induk Perindustrian telah menjelaskan garis-garis panduan ke arah ini. Untuk menentukan kejayaan dalam sektor pembuatan dan pengeluaran ini, pemindahan teknologi perlu dijalankan. Malaysia juga perlu menerimapakai teknologi-teknologi baru supaya lebih kompetitif dalam teknologi telekomunikasi seperti penghantaran (transmission), penyuisan (switching), 'mobile', satelit, kelui dan komunikasi 'broadband'.

20. Untuk meningkatkan beberapa tahap dalam proses perkembangan sektor telekomunikasi, teknologi moden dengan menggunakan fiber optik dan teknologi radio perlu dikaji dengan serius. Secara khusus, sistem penghantaran merupakan aset terbesar pengusaha-pengusaha rangkaian telekomunikasi yang boleh bersaing dengan pengusaha-pengusaha telekomunikasi yang baru. Semua yang terlibat dalam sektor ini, iaitu pihak yang menyelia dalam Kerajaan dan pihak swasta, perlu lebih arif dengan perkembangan teknologi baru dalam sistem penghantaran yang melibatkan fiber optik, pemampatan data, rangkaian radio dan satelit berkuasa tinggi. Pihak-pihak tempatan harus menceburkan diri dalam pengeluaran sistem-sistem penyuisan yang melibatkan perkembangan terbaru dalam teknologi ini, iaitu penyuisan digital yang lebih 'intelligent'.

21. Kualiti perkhidmatan penting dalam membantu Malaysia menarik pelaburan asing dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Perkhidmatan yang kurang berkualiti, akibat daripada kesesakan trafik, peralatan lama dan penyenggaraan yang kurang sempurna adalah suatu masalah di negara ini. Saya dimaklumkan bahawa penggunaan telefon selular masih mengalami kesulitan terutamanya ketika waktu sibuk. Oleh

itu, usaha-usaha baru hendaklah diambil untuk meningkatkan keupayaan rangkaian, di samping membuat pelaburan baru untuk meningkatkan kualiti, ketepatan masa, reliability dan mutu perkhidmatan. Memandangkan sektor telekom menguntungkan, penarikan pelaburan daripada sektor swasta sudah tentu tidak menjadi masalah. Di kalangan negara-negara maju tertentu, pelaburan dalam sektor telekomunikasi adalah besar. Mereka melabur sekurang-kurangnya 3.5 peratus daripada pelaburan kasar domestik di sektor telekomunikasi.

22. Adalah jelas kita perlu melabur lebih dengan cara yang baik sekiranya kualiti perkhidmatan telekomunikasi negara perlu ditingkat dan dimajukan. Masalah yang wujud bukanlah kekurangan sumber kewangan memandangkan hampir kesemua pengusaha dan pembekal perkhidmatan telekomunikasi menikmati keuntungan. Pengusaha-pengusaha utama kita seperti Telekom Malaysia, Celcom dan Sapura kesemuanya telah mencatat keuntungan yang agak besar dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Mereka perlu melabur sebahagian daripada keuntungan ini jika khidmat mereka hendak ditingkatkan.

23. Dalam usaha kita mengejar pembangunan ekonomi yang pesat keperluan asas penduduk luar bandar tidak harus diketepikan. Memang benar bahawa pembekalan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan bandar lebih menguntungkan, tetapi daripada segi tanggungjawab sosial perhatian yang sewajarnya harus juga diberikan kepada peningkatan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan luar bandar. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi 'access' kepada perkhidmatan komunikasi kepada semua rakyat.

24. Saya yakin dengan adanya Dasar Telekomunikasi Negara ini, sektor telekomunikasi di Malaysia dapat dibangunkan dengan lebih teratur, cekap dan kompetitif. Di peringkat nasional, DTN diharapkan dapat mewujudkan suasana persaingan secara teratur supaya sumber-sumber negara dapat digunakan secara optima. Di samping itu, DTN juga diharapkan dapat memberi panduan kepada perkembangan sektor telekomunikasi supaya ianya lebih efektif, bermutu dan setanding dengan keadaan di negara-negara maju. Namun pendapat pihak swasta berkenaan dengan DTN harus diberi penilaian dan pandangan yang serius supaya DTN tidak mengganggu pertumbuhan industri dan khidmat telekomunikasi di negara kita. Kita harus bersedia menyesuaikan dasar supaya ianya tidak mengganggu perkembangan khidmat dan industri ini.

25. Dengan ini, saya dengan sukacita melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara.